

SEDIAKAN WASIAT DEMI KEHARMONIAN KELUARGA

Oleh: Nur Adiibah binti Hairol Nizam, 1171219,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 12 Mei 2020

Masih ramai anggota masyarakat di negara ini khususnya yang beragama Islam memandang ringan terhadap pengurusan wasiat. Akibatnya, mereka tidak melakukan persiapan yang sewajarnya berhubung pengagihan harta sebelum meninggal dunia.

Pengurusan wasiat merupakan salah satu perkara yang dituntut dalam Islam. Namun, umat Islam sendiri bersikap acuh tak acuh mengenainya ekoran kurang kefahaman dan kesedaran dalam aspek tersebut.

Perbuatan mengabaikan keperluan menulis wasiat boleh mengakibatkan perbalahan sesama pewaris dalam soal pengagihan harta sehingga menjejaskan hubungan antara satu sama lain.

Perkembangan ini bercanggah dengan pesanan Rasulullah SAW agar umat Islam saling menjaga silaturahim seperti dalam sabda baginda yang bermaksud: *“Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim (hubungan kekeluargaan).” (HR Muslim)*

Dari segi hukum, para fuqaha telah bersepakat bahawa wajib ke atas orang yang memiliki harta untuk berwasiat kepada ahli keluarganya.

Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Kamu diwajibkan apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa.” (Surah Al-Baqarah: 180)*

Dari segi istilah, wasiat bermaksud akad atau ikrar seseorang ke atas hartanya untuk disempurnakan selepas kematian untuk diberikan kepada atau dimiliki oleh orang yang diwasiatkan sama ada berupa harta atau manfaat.

Pemberi wasiat juga perlu mengutamakan pengagihan harta kepada ibu bapa dan keluarganya terlebih dahulu sebelum orang lain dengan syarat tidak melebihi satu pertiga hartanya.

Wasiat yang disediakan terlalu awal juga boleh menimbulkan permasalahan antara para waris yang mungkin tidak berpuas hati dengan pengagihan harta yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, pewasiat tidak perlu bimbang kerana wasiat boleh diubah selagi mereka masih hidup. Hanya wasiat yang terakhir akan dilaksanakan selepas pemilik harta meninggal dunia.

Kisah perbalahan dalam kalangan ahli keluarga berhubung pengagihan harta pusaka membabitkan tokoh masyarakat dan selebriti yang telah meninggal dunia seharusnya dijadikan pengajaran untuk kita semua.

Mungkin ramai yang pernah membaca laporan media tentang isu pembahagian harta pusaka pelawak terkenal, Abam Bocey atau nama sebenarnya, Syed Umar Mokhtar Syed Mohd Redzuan selepas beliau meninggal dunia pada 10 Februari 2020.

Difahamkan, Allahyarham Abam Bocey tidak meninggalkan sebarang wasiat dan keadaan itu menyebabkan berlaku pertikaian dari segi pembahagian harta pusaka.

Isu tersebut sepatutnya membuka mata masyarakat tentang kepentingan menyediakan wasiat semasa masih hidup. Masalah sebegini mungkin boleh berlaku terhadap keluarga kita sendiri sedangkan ia boleh dielakkan sekiranya kita menulis wasiat.

Sehubungan itu, setiap ketua keluarga perlu bersikap cakna terhadap kepentingan menyediakan wasiat. Langkah tersebut mampu memberi kepastian kepada waris-waris yang bakal kita tinggalkan kelak.

Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan. Begitu jugalah sepatutnya sikap kita terhadap soal wasiat. Tidak perlu kita menunggu sehingga tua untuk melakukannya kerana kita boleh dijemput pulang ke rahmatullah bila-bila masa sahaja apabila ajal tiba.



